

SOALAN NO.: 17

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM
KAWASAN : BALING
TARIKH : 31 OKTOBER 2017 (SELASA)**

SOALAN:

YB. DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM minta **MENTERI
KERJA RAYA** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk
menambah baik jalan jalan di sekitar Parlimen Baling seperti Jalan
Baling - Kulim, Baling – Sungai Petani, Baling - Pengkalan Hulu yang
rosak agar keselamatan pemandu terpelihara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2017, jumlah peruntukan sebanyak **RM15.56 juta** telah diluluskan untuk program **penyenggaraan** berkala pavemen di Jalan Persekutuan bagi negeri Kedah di mana sebanyak **RM1.35 juta** diperuntukan untuk kerja-kerja pembaikan berkala pavemen di Jalan Persekutuan dalam Parlimen Baling iaitu seperti berikut:

- (i) Jalan Merbau Pulas ke Kuala Ketil di Laluan FT136 dengan peruntukan sebanyak **RM750 ribu**;
- (ii) Jalan Sungai Petani ke Baling di Laluan FT067 dengan peruntukan sebanyak **RM350 ribu**; dan
- (iii) Jalan Felda Teloi Kanan di Laluan FT1055 dengan peruntukan sebanyak **RM250 ribu**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara inisiatif yang diambil untuk menambah baik jalan di sekitar Parlimen Baling, terdapat projek yang melibatkan **naiktaraf jalan** dari Sungai Petani ke Baling sepanjang 24km di mana projek menaiktaraf jalan tersebut dilaksanakan melalui 2 pakej iaitu Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan (Laluan 67) Dari Pekan Sungai Petani, Daerah Kuala Muda Ke Pekan Tawar, Daerah Baling, Kedah Darul Aman.

Bagi pakej 1 dari persimpangan Lencongan Timur ke persimpangan laluan K620 (Kuala Muda), kerja-kerja menaiktaraf jalan sepanjang 8.5km telah siap dilaksanakan pada 20 Julai 2017. Manakala bagi pakej 2 dari persimpangan FT67/K620 (Kuala Muda) ke persimpangan FT67/K19 (Baling) sepanjang 15.5km, proses penyediaan rekabentuk terperinci sedang dilaksanakan. Kerja-kerja pembinaan bagi pakej 2 akan dilaksanakan tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari pihak Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.